



## UPM Menang 1 Anugerah Khas, 4 Pingat Emas INNOVA



*Norman Mariun, Dr. Ing Ahmad Fauzi Abas, Dr. Mohd Zainal Abidin Ab Kadir dan Prof. Madya Dr. Ratnasamy Muniandy.*

**BRUSSELS** – 5 penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya meraih 1 anugerah khas, 4 pingat emas dan 1 pingat perak di pameran antarabangsa INNOVA ENERGY 2009 di sini baru-baru ini.

Anugerah khas dari Kementerian Pertahanan Belgium telah dimenangi oleh Prof. Ir. Dr. Norman Mariun di bawah seliaan ketua projek, Dr. Norhisam Misron dengan produk *Linear Displacement Sensor Using Meander Coil and Pattern Guide*.

Produk yang turut memenangi pingat emas itu merupakan penerima yang mampu menjadikan industri barangan elektronik yang kompleks dan mahal menjadi lebih murah dan kecil seperti barangan elektronik motor lurus yang diguna oleh industri semikonduktor, pencetak dan pemotong kertas.

Pingat emas kedua dimenangi oleh Dr. Siti Mazlina Mustapa Kamal dengan produk *Fruits Grater and Peeler* di mana beliau bersama kumpulan penyelidik telah merekabentuk sebuah alat tiga fungsi untuk memarut, mengupas dan memotong buah-buahan dan sayur-sayuran secara automatik yang dapat menjimatkan masa dan tenaga.

Pingat emas ketiga dimenangi oleh Wan Zuha Wan Hasan dengan produk *Software Tool - A Fault Syndrome Simulator for Functional Faults of Static Random Access Memories (RAM)* iaitu sejenis ciptaan perisian untuk mencari algorithm yang boleh mengesan kesalahan dalam RAM.

Produk itu mampu mengenal dan memperbaiki kesalahan serentak dalam masa singkat berbanding perisian di pasaran kini yang hanya boleh mengesan sahaja dan mengambil masa lama untuk mengenal kesalahan dalam RAM.

Pingat emas keempat dimenangi oleh Dr.-Ing Ahmad Fauzi Abas dengan produk *Duty Cycle Division Multiplexing Increasing Optical Fiber Capacity Utilization* di mana beliau bersama kumpulan penyelidik telah mencipta kaedah untuk menghantar data berkelajuan tinggi dalam komunikasi yang menjimatkan kos menggunakan talian fiber optik.

Daripada 400 produk yang dipertandingkan dari 30 negara, 38 produk Malaysia dari 5 instituti pengajian tinggi awam, 1 institut pengajian tinggi swasta dan 1 institut penyelidikan dipertandingkan.

**Berita asal oleh Nasreena Hailani (RMC) dan disunting oleh Seksyen Media Bahagian Komunikasi Korporat.**